

Disediakan untuk: _____

Tarikh Cetakan: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Indemniti Profesional. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

Penyedia Khidmat Kewangan : **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Kami”)**
Nama Produk : **Perlindungan Siber Insurans**

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Polisi ini bertujuan untuk melindungi perniagaan anda dari risiko berasaskan internet, risiko berkaitan infrastruktur teknologi maklumat, maklumat privasi, liability maklumat pemerintahan dan aktiviti yang berkaitan dengannya.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

Liabiliti Pihak Ketiga

- Akibat Privasi dan Pelanggaran Kerahsiaan
- Untuk Liabiliti Keselamatan Rangkaian
- Untuk Liability Media (Kecuaian dalam penerbitan digital)
- Untuk Kos undang-undang Penguasa
- Kos Penyiasatan Dalamam
- Penalti Kontrak yang dikenakan oleh Industri Kad Bayaran untuk pelanggaran Standard Keselamatan Data mereka

Pihak Pertama

- Kerugian Gangguan Perniagaan – untuk kerugian keuntungan dan lain-lain kos berkaitan dengan serangan cyber
- Kerugian Gangguan Perniagaan – untuk kerugian keuntungan dan lain-lain kos disebabkan oleh kesilapan dalamam dan ketidak jangkauan kegagalan teknikal
- Gangguan Perniagaan kerana undang-undang atau Keperluan oleh Pihak Berkuasa
- Kecurian oleh Penggodam
- Pemerasan Siber

Kos

- Kos Pengurusan krisis
- Kos Pemberitahuan & Kos Pemberitahuan Sukarela
- Kos Nasihat Reputasi
- Kos Pengurangan
- Kos Pemulihan
- Peningkatan dari peristiwa yang diinsuranskan
- Kos Kecemasan

Nota : Penerangan liputan hanyalah ringkasan untuk tujuan rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk kepada polisi kontrak untuk penerangan penuh liputan polisi ini.

Tempoh perlindungan ialah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium mendatar yang anda perlu bayar bergantung kepada pendedahan risiko (iaitu aktiviti perniagaan, jumlah data peribadi, polisi keselamatan teknologi maklumat, rancangan pengurusan krisis, had indemniti, deduktibel, dsb.)

4. **Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	%/Amaun
• Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	• 15% daripada premium/RM XX
• Cukai Perkhidmatan	• 8% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

5. **Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

- Kepentingan pendedahan
Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Setiap permohonan mesti diserahkan dengan Borang Cadangan Perlindungan Siber Allianz yang telah dilengkapkan dan maklumat-maklumat lain yang difikirkan perlu.
- Anda mesti memastikan yang had liabiliti anda adalah memadai untuk melindungi pendedahan risiko anda.
- Anda mesti mengisytiharkan anggaran tepat maklumat berkaitan risiko dan pengalaman tuntutan anda

6. **Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?**

- Ketidak jujur atau tindakan tidak wajar
- Kecederaan badan dan kerosakan harta benda
- Liabiliti dari Kontrak
- Tuntutan terdahulu atau kerugian yang telah dijangka
- Rahsia Perdagangan dan harta intelek
- Peperangan, barang rampasan atau tindakan kerajaan
-

(Huraian kepada pengecualian-pengecualian di atas hanyalah sebuah ringkasan untuk rujukan segera dan mudah. Perinciannya ada dinyatakan di dalam Pernyataan Polisi.)

7. **Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Sama ada anda atau pihak kami boleh membatalkan Polisi ini dengan menghantar kepada masing-masing notis bertulis mengenai pembatalan ini secara pos atau sendiri, sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh kuatkuasa pembatalan. Notis pembatalan akan menyatakan tarikh kuatkuasa pembatalan. Tempoh polisi yang berkuatkuasa ketika itu akan berakhir pada tarikh tersebut.

8. **Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kami terhadap sebarang perubahan di dalam perincian maklumat anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada cawangan-cawangan kami atau anda boleh menghubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542
E-mel: customer.service@allianz.com.my
📱 @AllianzMalaysia
🌐 allianz.com.my

10. Jenis-jenis perlindungan Insurans Indemniti Profesional yang boleh didapati

- Insurans Indemniti Profesional Para Arkitek & Jurutera
- Insurans Indemniti Profesional Para Akauntan
- Insurans Indemniti Profesional Ejen-ejen Harta Tanah
- Insurans Indemniti Profesional Juruukur Bahan dan Juruukur Tanah
- Insurans Indemniti Profesional Para Peguam (Malaysia Timur)

NOTA PENTING:

ANDA MESTI PASTIKAN YANG LIABILITI ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG SEWAJARNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah seperti pada 01/03/2024.